

15/08/1999

Lawatan PM buka ruang pelaburan

Hafifi Hafidz in Khabarovsk

KHABAROVSK: Lawatan kerja Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Khabarovsk dan Republik Buryatia adalah sebagai pembuka jalan untuk Malaysia menerokai peluang pelaburan industri penerbangan, perkapalan dan galian di dua negara Persekutuan Russia itu.

Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijangka tiba di sini, ibu negara Khabarovsk, malam ini bagi memulakan lawatan tiga hari sebelum berlepas ke China dari sini.

Dr Mahathir akan kembali semula ke negara wilayah autonomi Russia ini pada 20 Ogos untuk menyambung semula lawatan kerjanya di Ulan Ude, ibu negara Republik Buryatia.

Ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri ke Persekutuan Russia selepas melawat Moscow pada 1987. Dr Mahathir bagaimanapun sebelum ini pernah melawat beberapa negara Komanwel Negara Merdeka (CIS) selepas bekas Soviet Union itu berpecah. Antara negara yang dilawati beliau ialah Kazakhstan, Kyrgyzstan, Uzbekistan dan Turkmenistan.

Turut serta dalam lawatan kali ini ialah Menteri Luar, Datuk Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.

Khabarovsk dan Buryatia adalah antara 98 republik dan wilayah autonomi yang masih di bawah Russia. Daripada jumlah itu 20 negara diiktiraf sebagai wilayah autonomi.

Terletak di timur jauh Russia, Khabarovsk agak hampir dengan Pulau Hokkaido, Jepun. Sebahagian besar penduduk negara itu bertumpu mendiami ibu kotanya, Khabarovsk - kaya dengan pelbagai tinggalan sejarah - berhampiran Sungai Amur yang diduduki oleh lebih 700,000 orang.

Buryatia yang kaya dengan pelbagai sumber galian bersempadan dengan wilayah Chita dan Irkutsk, terkenal dengan Tasik Baykal, tasik yang menampung 20 peratus daripada keseluruhan jumlah air bersih di dunia. Dengan keluasan 31,000 kilometer persegi, iaitu hampir dua pertiga daripada keluasan Semenanjung Malaysia, tasik ini sangat jernih airnya dan didiami pelbagai jenis hidupan air yang tidak terdapat di tempat lain.

Ketibaan Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah di lapangan terbang di sini dari Kuala Lumpur akan disambut oleh Gabenor Pentadbiran Wilayah, Victor Ishaeva dan isteri.

Memulakan lawatan esok, Perdana Menteri akan melawat kilang pesawat penerbangan yang terletak di Komsomolsk-na-Amur, kira-kira tiga jam perjalanan dengan kenderaan dari sini. Bandar industri penerbangan itu yang dibangunkan pada tahun 30-an untuk menghasilkan pelbagai pesawat tentera, kini mempelbagaikan kegiatannya untuk tujuan komersil.

Dr Mahathir juga melawat ibu pejabat Kumpulan Rimbunan Hijau di sini, satu-satunya syarikat Malaysia yang melabur di wilayah ini. Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah akan diraikan pada satu majlis oleh Victor pada malamnya.

Pada Selasa, Perdana Menteri akan melawat sebuah kilang membina kapal di St Suvarona, dekat sini, menyusuri Sungai Amur, melawat galeri seni halus dan muzium mengenai etnik wilayah-wilayah di Russia.

Sebelum berlepas ke Beijing, China pada Rabu, Dr Mahathir akan melawat beberapa lagi tempat bersejarah termasuk pasar seni. Perdana Menteri akan kembali ke Russia pada 20 Ogos untuk meneruskan lawatan ke Ulan Ude dan pulang ke tanah air pada 23 Ogos.

(END)